



PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SEPANG

No. 42 & 44, Jalan Mawar 1B, Taman Mawar,
Bandar Baru Salak Tinggi,
43900 SEPANG,
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA



Tel : 603-87069450
Faks : 603-87069448
Laman Web : <http://jpn.selangor.moe.gov.my/PPD/ppdsepang>
E-mel : ppdsepang@gmail.com

Ruj. Kami : PPDS.PAW 100-2/1/19 Jld.3 (20)

Tarikh : 17 Julai 2020

En. Adillah Bin Abu Samah
Ketua Pegawai Eksekutif
Xused Worldwide Solutions Sdn. Bhd.
2-19-01 Worldwide @ 7
Jalan Lazuardi 7/29, Seksyen 7,
40000 Shah Alam, Selangor

Tuan,

MEMOHON MELAKSANAKAN TAKLIMAT BERSAMA SEKOLAH DAN CADANGAN PENGGUNAAN APLIKASI ME12PAY UNTUK REKOD KEHADIRAN DAN SARINGAN SUHU PELAJAR DAN GURU SECARA DIGITAL DALAM PEMATUHAN GARIS PANDUAN (SOP) PENGURUSAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH (TANPA KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH)

Dengan segala hormatnya surat tuan no. Rujukan ME/2020/07/7 bertarikh 7 Julai 2020 adalah berkaitan dan surat Jabatan Pendidikan Negeri Selangor no. Rujukan JPNS.SPD.600-11/2/2 JLD.13(74) bertarikh 14 Julai 2020 adalah dirujuk.

2. Sukacita di maklumkan bahawa, Pejabat Pendidikan Daerah Sepang ambil maklum dan tiada halangan kepada pihak tuan untuk **Melaksanakan Taklimat Bersama Sekolah Dan Cadangan Penggunaan Aplikasi Me12pay Untuk Rekod Kehadiran Dan Saringan Suhu Pelajar Dan Guru Secara Digital Dalam Pematuhan Garis Panduan (Sop) Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah (Tanpa Kos Tambahan Kepada Pihak Sekolah)** seperti yang terkandung di dalam surat tuan kepada kami.

3. Kelulusan ini **TERHAD** kepada urusan anatara pihak tuan dengan **pihak pengurusan sekolah** dan tiada unsur paksaan. Tuan diminta menghubungi **Pengetua/Guru Besar** untuk mendapat persetujuan serta mematuhi garis panduan berikut :-

- 3.1 **Menyenaraikan sekolah cadangan untuk kebenaran daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD/ Guru Besar/ Pengetua sekolah-sekolah yang terlibat dan pihak JPN boleh meminda sekolah cadangan berdasarkan kesuaian;**
- 3.2 **Pihak JPN dan PPD berhak untuk meminta tarikh, kandungan program dan jumlah peserta (pegawai/guru/ murid) yang terlibat atas prinsip kesesuaian serta keperluan program untuk menyokong aktiviti kurikulum atau kokurikulum sekolah;**
- 3.3 **Surat kebenaran / kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;**

PPD Sepang Peneraju Transformasi



- 3.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan pegawai/guru dan murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.5 Pegawai/guru dan murid tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
- 3.6 Penyertaan murid dan pegawai/guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 3.7 **Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;**
- 3.8 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program tersebut;
- 3.9 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak Kementerian;
- 3.10 **Tiada sebarang perjumpaan bersama murid secara perhimpunan atau di luar kelas semasa dalam tempoh PKPP**
- 3.11 **Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, pegawai/guru dan murid yang terlibat;** dan
- 3.12 Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan/ kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan **dasar KPM** yang sedang berkuatkuasa.

4. Untuk makluman tuan, pihak KPM amat menekankan perkara Melindungi Masa Instruksional, yakni masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian, pihak KPM **mencadangkan supaya penyertaan guru dan murid bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP iaitu dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu sahaja.**

5. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh **31 Disember 2020.**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(**HAJI MUTALIB BIN TOMRAN**)
Timbalan PPD Sektor Perancangan
b.p. Pegawai Pendidikan Daerah

s.k. Fail